

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU****PEPERIKSAAN AKHIR****SEMESTER II SESI 2018/2019 (SARJANA MUDA)**

<b>NAMA KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>ISLAM DAN ALAM SEKITAR</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>NCC3000</b>
<b>TARIKH</b>	<b>:</b>	<b>17 HB JUN 2019 (ISNIN)</b>
<b>TEMPAT</b>	<b>:</b>	<b>DEWAN SULTAN MIZAN</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>9.00 - 11.00 PAGI (2 JAM)</b>

<b>NO. MATRIK</b>	<b>:</b>	_____
<b>NAMA PROGRAM</b>	<b>:</b>	_____
<b>NO. MEJA</b>	<b>:</b>	_____

**ARAHAN KEPADA CALON**

- i. Sila jawab semua soalan
- ii. Sila hitamkan jawapan anda pada ruangan yang sepadan di atas borang OMR yang disediakan.

**JANGAN BUKA BUKU SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN BELAS (19) MUKA SURAT BERCETAK

Ajaran yang merangkumi semua aspek kehidupan dan menjadikan penganutnya tunduk dan patuh dengan perintah Allah serta melakukan perkara yang diperintahkan dan menjauhi segala larangan

1. Apakah yang boleh dikaitkan dengan takrifan di atas?
  - A. ihsan
  - B. iman
  - C. islam
  - D. takwa
  
2. Manakah antara berikut merupakan tindakan utama dalam pengurusan dan kelestarian alam sekitar menurut Islam?
  - A. memberi panduan berkaitan sifat dan akhlak terpuji
  - B. memberi panduan akidah dan kepercayaan dalam Islam
  - C. panduan tentang pandangan Islam berkaitan penjagaan alam sekitar
  - D. memberi panduan tentang hukum atau peraturan berkaitan alam semesta
  
3. Berikut adalah maksud dan tujuan pelantikan manusia sebagai Khalifah di muka bumi:
  - i. pemimpin dalam kalangan makhluk
  - ii. menggantikan pentadbir dunia sebelum ini
  - iii. mengembangkan kekuasaan pemerintahan
  - iv. menguruskan urusan keduniaan dan keagamaan
  - A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. ii, iii dan iv
  - D. semua di atas
  
4. Surah dan ayat manakah yang menghuraikan tentang proses penciptaan manusia secara terperinci di dalam al-Quran?
  - A. al-baqarah, ayat 30-32
  - B. al-mu'minun, ayat 76-78
  - C. al-mu'minun, ayat 11-15
  - D. al-baqarah, ayat 127-129
  
5. Proses kejadian manusia banyak dijelaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Salah satu proses tersebut dikenali sebagai *Nutfah* . Apakah yang dimaksudkan dengan peringkat kejadian tersebut?
  - A. titisan darah
  - B. setitik air mani
  - C. segumpal daging
  - D. darah yang terlekat pada dinding rahim

6. Apakah pengertian alam menurut Islam?
- A. alam adalah dunia
  - B. alam bersifat baharu
  - C. alam adalah kesemua makhluk ciptaan Allah
  - D. alam adalah makhluk yang wujud di dunia ini
7. Berikut merupakan jenis-jenis makhluk ciptaan Allah SWT. Mana satukah yang **tidak benar**?
- A. makhluk yang tidak dapat dilihat adalah tidak wujud
  - B. makhluk yang dapat dilihat dengan pancaindera (mata), seperti batu dan kayu
  - C. makhluk yang dapat dilihat dengan alat ciptaan manusia (mikroskop) seperti atom dan bakteria
  - D. makhluk yang tidak dapat dilihat dengan pancaindera dan alat ciptaan manusia. Namun dirasai kewujudannya secara naluri seperti malaikat, jin dan iblis
8. Berikut merupakan pernyataan yang dikaitkan dengan pegangan Atheis **kecuali**;
- A. menggunakan akal secara rasional
  - B. mengkaji alam berasaskan sains dunia semata-mata
  - C. semua yang berlaku di alam adalah secara kebetulan
  - D. terlalu kagum dengan kelebihan akal sehingga menjadi angkuh
9. Dalam al-Quran, Allah telah menjelaskan kepada kita tentang pelantikan Nabi Adam (a.s) sebagai khalifah. Sejurus selepas itu, Allah telah mengajar kepada Nabi Adam (a.s) tentang *asma'*. Apakah yang dimaksudkan proses pengajaran *asma'* tersebut?
- A. semua nama-nama benda di dunia ini
  - B. cara hendak menguruskan alam sekitar
  - C. semua nama-nama makhluk lain di dunia dan fungsinya
  - D. cara berinteraksi dengan makhluk-makhluk yang lain di dunia
10. Dialog pelantikan Nabi Adam (a.s) sebagai khalifah di muka bumi telah dirakamkan di dalam al-Quran. Nyatakan surah dan ayat yang menceritakan tentang kisah tersebut.
- A. al-nisa' ayat 3-5
  - B. al-nisa' ayat 30-35
  - C. al-baqarah ayat 3-5
  - D. al-baqarah ayat 30-35
11. Menurut kajian para saintis, alam ini terjadi setelah berlakunya teori pertembungan agung atau *Big Bang Theory*. Sebenarnya teori tersebut telah lama dirakamkan di dalam al-Quran. Nyatakan surah dan ayat tersebut.
- A. al-nisa', ayat 30
  - B. al-anbiya', ayat 30
  - C. ali imran, ayat 30
  - D. al-Muddathir, ayat 3

12. Berikut adalah tujuan penciptaan alam. Mana satukah kenyataan berikut adalah **benar**.

- i. pencarian pencipta
- ii. kepatuhan makhluk kepada Allah
- iii. pengabdian makhluk kepada Allah
- iv. sebagai ujian kepada manusia dan jin

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. semua di atas

13. Hubungan kita dengan makhluk yang lain tidak berakhir di alam dunia. Apakah jawapan yang **paling tepat** daripada kenyataan tersebut.

- A. semua makhluk akan dihitung amalannya
- B. mematuhi segala perintah Allah seperti bersolat
- C. haiwan juga mempunyai tanggungjawab terhadap manusia
- D. setiap tindakan manusia di dunia akan dihitung di akhirat kelak

14. Kenapakah Allah bersumpah dengan makhluk yang diciptanya seperti matahari dan langit?

- A. untuk menguatkan hujah
- B. untuk menggambarkan kehebatan makhluk tersebut
- C. untuk menguji manusia dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah
- D. untuk menggambarkan bahawa makhluk tersebut mempunyai peranan yang besar kepada manusia

( الم نجعل الأرض مهادا... )

"*Tidakkah kamu tahu bahawa kami jadikan bumi ini hamparan*"  
Surah al-Naba' ayat 6

15. Pernyataan manakah yang **paling tepat** tentang ayat tersebut?

- A. bumi ini terjadi secara semulajadi
- B. bumi yang luas ini juga makhluk Allah
- C. al-quran banyak menceritakan tentang kejadian bumi
- D. Allah telah menjadikan bumi terbentang luas untuk pencarian rezeki

16. Berikut adalah komponen-komponen utama alam **kecuali**

- A. udara
- B. kereta
- C. tanah
- D. manusia

17. Allah SWT telah menyatakan di dalam surah *al-Tin* tentang kejadian makhluk bernama manusia. Apakah yang membezakan manusia dengan makhluk yang lain?
- A. kelebihan akal untuk menguruskan alam ini
  - B. kelebihan fizikal yang mampu bersaing dengan makhluk lain
  - C. kelebihan nafsu yang sentiasa berkehendak untuk mempunyai zuriat
  - D. kelebihan pancaindera yang mampu melihat, mendengar, merasa dan sebagainya
18. Setiap makhluk yang hidup mempunyai ruh dan jasad. Allah SWT telah memperihalkan tentang kewujudan ruh di dalam al-Quran menerusi surah dan ayat berikut:
- A. surah al-isra', ayat 75
  - B. surah al-isra', ayat 85
  - C. surah al-nisa', ayat 75
  - D. surah al-nisa', ayat 85
19. Di dalam surah al-Mukminun ayat 11-15, Allah SWT menjelaskan secara terperinci tentang sesuatu kejadian yang begitu halus dan tersusun. Makhluk apakah yang dinyatakan dalam surah tersebut?
- A. manusia
  - B. binatang
  - C. tumbuh-tumbuhan
  - D. alam cakerawala
20. Apakah kelebihan atau keistimewaan yang **paling tepat** tentang telinga manusia?
- A. sistem pendengaran yang berupa alat muzik yang canggih
  - B. sistem pendengaran yang mampu menerima beberapa rangkaian bunyi
  - C. sistem pendengaran yang mampu menghimpunkan lebih daripada 4000 rangkaian bunyi
  - D. sistem pendengaran yang terdiri daripada gendang telinga yang memantulkan bunyi
21. Salah satu keajaiban yang terdapat pada manusia ialah deria penglihatan menerusi mata. Apakah kelebihan atau keistimewaan yang **paling tepat** tentang mata manusia?
- A. deria penglihatan yang mampu menerima beberapa jenis cahaya
  - B. deria penglihatan yang terdiri daripada pelbagai komponen yang cantik dan menarik
  - C. deria penglihatan yang mampu menghimpunkan lebih daripada 4000 rangkaian cahaya
  - D. deria penglihatan mempunyai 130,000,000 saraf mata yang mampu menerima sebarang bentuk cahaya

22. Kenyataan yang manakah yang **benar** berkenaan dengan deria rasa yang terdapat pada manusia.

- i. setiap bongolan itu mempunyai saraf-saraf yang amat halus
- ii. terdiri daripada otot-otot tebal yang mampu menerima pelbagai bentuk rasa
- iii. deria rasa ini mempunyai lebih daripada 9000 bongolan kecil yang amat sensitive
- iv. organ ini mampu memproses rasa yang hanya diketahui oleh sesiapa yang merasainya sahaja

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. Semua di atas.

23. Alam cekerawala merupakan makhluk yang amat luar biasa penciptaannya. Apakah yang dimaksudkan dengan makhluk tersebut?

- A. makhluk yang wujud di alam ghaib seperti jin dan malaikat
- B. semua makhluk yang diciptakan oleh Allah seperti malaikat, jin dan manusia
- C. makhluk yang dapat dilihat dengan pancaindera manusia seperti batu, kayu dan seumpamanya
- D. makhluk yang berada antara batasan langit dan bumi seperti bumi, air, udara, bulan, matahari, gugusan bintang dan langit

Allah SWT telah tentukan kadar ketetapan cahaya dan kepanasannya yang bersesuaian dengan alam ini. Ia tidak terlalu hampir dengan bumi bagi mengelakkan berlakunya kebakaran. Ia juga tidak terlalu jauh bagi mengelakkan bumi menjadi beku dan kehidupan tidak dapat hidup selesa.

*(Al-Qaradawi).*

24. Makhluk apakah yang dikaitkan dengan kenyataan Al-Qaradawi tersebut?

- A. bulan
- B. galaksi
- C. bintang
- D. matahari

وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الْبُرُوجِ

"Demi langit yang mempunyai tempat-tempat peredaran bintang-bintang"

Surah al-Buruj, ayat -1

25. Apakah hikmah yang **paling tepat** yang diperolehi oleh manusia menerusi ayat di atas?

- A. sebagai ramalan untuk masa hadapan
- B. sebagai panduan untuk kapal-kapal berlayar di waktu malam
- C. keseronokan bagi manusia yang menggemari kilauan bintang
- D. gambaran bahawa bintang-bintang telah wujud sekian lama yang membentuk Galaksi

Sekiranya kandungan gas dalam udara meningkat boleh menyebabkan kesan yang amat dahsyat seperti keguguran tahi-tahi bintang di angkasaraya. Manakala kelajuan tahi bintang tersebut adalah 90 kali lebih laju daripada peluru.

26. Fenomena apakah yang boleh dikaitkan dengan kenyataan tersebut?

- A. hari kiamat
- B. gempa bumi
- C. ribut dan petir
- D. kilat dan guruh

Maksud Hadith:

"Seorang wanita telah diseksa dan dimasukkan ke dalam neraka disebabkan telah mengurung seekor kucing hingga mati kelaparan".

27. Apakah nilai moral di sebalik hadith tersebut?

- A. wanita gemar menyiksa binatang
- B. islam adalah agama yang menghormati binatang
- C. kucing mempunyai martabat yang tinggi dalam Islam
- D. kita boleh mengurung binatang selagi mana tidak mendatangkan kematian

28. Pada pengamatan anda, bagaimanakah kaedah kelahiran seekor gajah yang telah diberi ilham oleh Allah apabila melahirkan anaknya?

- A. melahirkan anak dengan cara duduk
- B. melahirkan anak dengan cara merebahkan badannya
- C. gajah jantan akan menyambut anaknya dengan belalai
- D. gajah betina akan mencari aliran sungai di dalam hutan

Di antara bukti kewujudan Allah SWT adalah dengan melihat kejadian seekor unta. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Ghasyiah ayat 17,

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ

"*Tidakkah kamu lihat kepada kejadian unta, bagaimanakah ia dijadikan*"

29. Mana satukah yang **salah** tentang kejadian unta?

- A. betis yang panjang bertujuan untuk memudahkan perjalanan di padang pasir
- B. kurniaan bibir yang terbelah-belah bagi memudahkan mengambil makanan di wadi
- C. bonjolan di belakang berperanan untuk menyimpan lemak bagi mengelakkan terkena penyakit
- D. anugerah kaki yang berperanan seumpama kasut dan kukunya yang unik digunakan untuk memudahkan pergerakan di dalam timbunan pasir

Mencari rezeki pada musim panas, makanan yang diperoleh disimpan untuk persiapan di musim sejuk. Keadaan ini bagi mengelakkan sebarang bahaya yang bakal menimpa sekiranya keluar pada musim sejuk.

30. Nyatakan serangga yang pola kehidupannya sama sebagaimana kenyataan di atas?

- A. lalat
- B. lebah
- C. semut
- D. nyamuk

Mampu merentasi dunia dengan petunjuk Allah. Mereka juga mampu berhijrah dari satu benua ke benua yang lain dengan kekuatan stamina yang amat menakjubkan, bahkan mampu kembali ke tempat asalnya.

31. Makhluk apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan di atas?

- A. angin
- B. awan
- C. burung
- D. serangga

32. Semua pernyataan pernyataan di bawah adalah benar tentang spesis burung yang dikenali sebagai ayam **kecuali**

- A. ayam mampu tidur sambil berdiri
- B. ayam membiarkan anaknya berdikari apabila dewasa
- C. ayam tidak mengetahui telurnya perlu dipanaskan oleh badannya
- D. ayam dianugerahkan perasaan kasih sayang yang tinggi terhadap anaknya



وما يستوي البحران هذا عذب فرات سائغ شرابه وهذا ملح أجاج ومن كل تأكلون لحماً طرياً

"Dan tidaklah sama keadaan dua laut (sekalipun satu jenisnya), yang satu tawar lagi memuaskan dahaga serta sesuai diminum, sementara yang satu lagi masin lagi pahit dan (kedua-duanya itu berfaedah kepada kamu): Dari tiap-tiap satunya kamu dapat makan daging yang lembut"

33. Terdapat beberapa isu yang ingin dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah Fatir ayat 12 di atas, **kecuali**

- A. hanya air tawar sahaja yang dapat menghilangkan dahaga
- B. daging yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah ikan
- C. daging yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah kambing
- D. terdapat dua jenis sumber air yang diperolehi daripada bumi ini

34. Kesemua yang berikut adalah benar tentang tumbuh-tumbuhan **kecuali**

- A. meliputi 50.6 % keluasan muka bumi
- B. sebagai sumber rezeki dan kemudahan kepada manusia dan kehidupan lain
- C. fungsi yang amat penting ialah mengeluarkan oksigen dan menyerap karbon dioksida.
- D. kejadian tumbuh-tumbuhan mempunyai hubungan rapat dalam memastikan keseimbangan alam semesta

*Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan, dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan pelbagai jenis tanaman serta pohon kurma yang berumpun dan yang tidak berumpun. Semuanya di siram dengan air yang sama, dan kami lebihkan buah sesetengahnya dari yang lain (pada bentuk, rasa dan baunya). Sesungguhnya yang demikian itu adalah tanda-tanda kekuasaan Allah bagi golongan yang berakal (al-Ra'd, ayat 4)*

35. Mana satukah yang **salah** tentang kenyataan daripada ayat di atas?

- A. pohon kurma dan anggur merupakan tumbuhan yang terbaik di bumi ini
- B. tanah yang terdapat di bumi diciptakan untuk proses pembiakan tumbuhan
- C. keunikan tumbuhan adalah siraman air yang sama namun rasanya adalah berbeza
- D. hanya golongan yang berakal sahaja yang mampu melihat kebesaran Tuhan menerusi proses pembiakan tumbuh-tumbuhan

36. Di dalam Islam terdapat satu alam yang tidak mampu dilihat oleh mata manusia. Alam tersebut dikenali sebagai alam ghaib. Apakah jenis-jenis makhluk yang terdapat di alam ghaib tersebut?

- A. malaikat dan iblis
- B. malaikat dan atom
- C. malaikat dan angin
- D. malaikat dan arus elektrik

Mafhum sabda Rasulullah SAW:

*Daripada Aisyah RA, Dari Rasulullah SAW, katanya: "Malaikat diciptakan daripada cahaya, dan diciptakan jin dari nyalaan api, dan diciptakan Adam sebagaimana aku nyatakan kepada kamu semua (sebelum ini daripada tanah)" Hadith diriwayatkan oleh Muslim.*

37. Apakah yang bercanggah dengan hadith di atas?

- A. manusia diciptakan oleh Allah daripada tanah
- B. jin diciptakan oleh Allah daripada nyalaan api
- C. malaikat diciptakan oleh Allah daripada cahaya
- D. manusia diciptakan menerusi proses evolusi makhluk

38. Terdapat 10 ketua malaikat yang masyhur dinyatakan dalam al-Quran. Mana satukah tugas malaikat yang **salah**?

- A. izrail: ketua kepada malaikat yang mengambil nyawa
- B. israfil: malaikat yang bertanggungjawab meniup nafiri kiamat
- C. mikail: ketua kepada malaikat yang menguruskan hal ehwal kehidupan
- D. jibril: penghulu para malaikat dan bertanggungjawab mencatat amalan kebaikan

Maksud surah al-Baqarah ayat 30,

*"Apabila Tuhan kamu berkata kepada malaikat,: "Aku akan jadikan di atas muka bumi "khalifah(pengganti)".*

39. Apakah yang dijelaskan oleh Syeikh Prof Wahbah al-Zuhaily dalam Tafsir *Munir* mengenai istilah khalifah?

- A. sebagai pentadbir dunia
- B. sebagai perancang pembangunan dunia
- C. sebagai wakil pencipta untuk menguruskan dunia
- D. sebagai pengganti kepada pengurus dunia sebelum ini

40. Terdapat sekumpulan jin menerima Islam setelah tertarik dengan al-Quran yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW. Nyatakan surah dan ayat yang memperihalkan tentang kisah tersebut.
- A. surah jin, ayat 1 & 2
  - B. surah jin, ayat 11 & 12
  - C. surah al-qalam, ayat 1 & 2
  - D. surah al-qalam, ayat 11 & 12
41. Tanah merupakan antara komponen alam yang utama. Mana satukah yang **salah** tentang fungsi tanah dalam Islam?
- A. sebagai sumber pahala
  - B. sebagai tempat tinggal
  - C. sebagai tempat pembiakan hidupan laut
  - D. sebagai tempat menanam mayat atau sisa
42. Tanah juga berfungsi untuk mengangkat **hadath (bersuci)**. Apakah istilah yang digunakan untuk proses berkenaan?
- A. *tobib*
  - B. *toharah*
  - C. *toyyibah*
  - D. *tayammum*

*Tanah yang baik tumbuh tanaman dengan subur dengan izin Tuhannya, tetapi tanah yang tidak baik tumbuhannya tidak tumbuh kecuali tumbuhan melata. Beginilah kami menyatakan tanda kebesaran Allah bagi golongan yang bersyukur". (Al-A'raf, 58)*

43. Allah SWT berfirman tentang kepentingan tanah sebagai komponen alam semulajadi. Kepentingan apakah yang dimaksudkan dalam ayat tersebut.
- A. sebagai sumber pahala menerusi wakaf
  - B. sebagai sumber pertanian dan penternakan
  - C. sebagai tempat pemakaman atau perkuburan
  - D. sebagai tempat tinggal manusia di alam dunia
44. Manakah kenyataan berikut **benar** tentang kepentingan air menurut Islam?
- i. sebagai rakan kelestarian kepada tanah
  - ii. sebagai sumber makanan dan minuman
  - iii. sebagai makhluk yang digunakan untuk bersuci
  - iv. sebagai makhluk yang dijadikan untuk membantu makhluk lain hidup
- A. i dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. i, ii dan iii
  - D. semua di atas

45. Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Furqan ayat yang ke 53. Ayat tersebut adalah berkaitan dengan kepentingan air sebagai
- A. sumber tenaga
  - B. tempat mencari rezeki
  - C. sumber utama untuk bersuci
  - D. sumber makanan dan minuman
46. Allah SWT telah berfirman dalam surah Ibrahim ayat 32, berkaitan dengan kepentingan air sebagai:
- A. sumber tenaga
  - B. jalan pengangkutan
  - C. tempat mencari rezeki
  - D. sumber makanan dan minuman

*Sesungguhnya bagi kaum Saba' ada tanda (kekuasaan Allah SWT) di tempat kediaman mereka iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan kiri (kepada mereka dikatakan): "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun". Tetapi mereka berpaling, maka Kami datangkan kepada mereka banjir yang besar dan Kami ganti kedua kebun-kebun mereka dengan dua kebun yang ditumbuhi (pohon-pohon) yang berbuah pahit, pohon Athl dan sedikit dari pohon Sidr (Surah Saba' 15-16).*

47. Di dalam surah al-Saba', Allah SWT telah merakamkan tentang tamadun dunia yang pernah dibangunkan menerusi penggunaan komponen alam sekitar. Apakah mesej yang hendak disampaikan kepada manusia tentang ayat tersebut?
- A. kepentingan tanah untuk menjana tenaga
  - B. kepentingan cahaya untuk menjana tenaga solar
  - C. kepentingan angin untuk menjana tenaga elektrik
  - D. kepentingan air dalam untuk pembinaan hidroelektrik
48. Dalam surah al-Anfal ayat ke 11, Allah SWT telah menjelaskan tentang penggunaan air untuk bersuci. Apakah yang dimaksudkan dengan bersuci daripada ayat tersebut?
- A. untuk berwuduk sahaja
  - B. membasuh kotoran degil
  - C. untuk mandi wajib dan berwuduk
  - D. untuk membasuh sebarang kotoran dan mengangkat *hadath*
49. Berikut adalah kepentingan udara menurut perspektif Islam terhadap alam sekitar. Mana satukah antara berikut yang **tidak benar**?
- A. membersihkan udara yang busuk
  - B. membawa hujan ke kawasan tandus
  - C. sebagai alat untuk membersihkan *hadath*
  - D. sebagai ejen pendebungaan bagi tumbuh-tumbuhan

50. Di dalam al-Quran, Allah SWT telah menjelaskan tentang kepentingan udara sebagai makhluk yang bertindak sebagai ejen pendebungaan. Apakah surah yang menyatakan tentang keadaan tersebut?

- A. surah *al-hijr*
- B. surah *al-ankabut*
- C. surah *al-maaidah*
- D. surah *al-mumtahanah*

51. Kadar gas di dalam udara telah ditetapkan oleh Allah SWT. Gas tersebut berperanan dalam memastikan makhluk di dunia dapat meneruskan kehidupan dan keharmonian mereka. Apakah istilah yang paling sesuai digunakan bagi pernyataan tersebut?

- A. kelestarian
- B. keselesaan
- C. keharmonian
- D. kesamarataan

52.

Pencipta alam mestilah maha sempurna. Prinsip kelestarian alam mestilah bertauhidkan kepada Allah SWT Maha Esa. Perjalanan alam mestilah berdasarkan *sunnatullah* (peraturan Allah).

Teras apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan tersebut?

- A. moral
- B. akhlak
- C. akidah
- D. syariah

Islam melihat pengurusan alam adalah sejajar dengan konsep pertanggungjawaban manusia. Dengan ini, tanggungjawab tersebut mestilah didasari dengan syariat Islam.

53. Apakah yang paling tepat tentang konsep pertanggungjawaban di atas berdasarkan prinsip Islam dan alam sekitar?

- A. manusia dan jin perlu bertanggungjawab ke atas kemusnahan alam
- B. setiap tindakan manusia akan dipersoalkan oleh pencipta di akhirat kelak
- C. binatang buas perlu bertanggungjawab ke atas kepupusan binatang jinak
- D. bencana alam seperti banjir adalah penyebab utama kemusnahan alam sekitar

54. Apakah prinsip utama dalam teras akhlak menurut perspektif Islam untuk melestarikan alam sekitar?

- A. membenarkan manusia membuang sampah di sungai yang mengalir
- B. sentiasa meningkatkan kesegaran dengan beriadah pada waktu malam
- C. menjaga persekitaran dengan cara membakar sampah di tempat yang tertutup
- D. mengekalkan kesegaran, keindahan dan keharmonian alam berteraskan nilai-nilai murni manusia

55. Berdasarkan teras akidah dalam pengurusan alam menurut Islam, terdapat konsep '*Tauhid Uluhiyyah*'. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep tersebut?

- A. konsep yang menggambarkan tentang keindahan alam semesta
- B. mensyariatkan manusia agar beribadah kepada Allah SWT yang Esa
- C. mensyariatkan semua makhluk di alam ini agar beribadat kepada Allah
- D. konsep yang menekankan tentang prinsip akhlak dalam kelestarian alam

-Kepercayaan bahawa pencipta dan penguasa alam ini ialah Allah SWT.  
-Allah s.w.t menjadikan alam, memberi rezeki, menghidupkan dan mematikan.  
-Dipercayai oleh kesemua umat manusia termasuk kaum musyrikin.

56. Ciri-ciri yang dinyatakan di atas adalah berkait rapat dengan konsep;

- A. *tauhid asma'*
- B. *tauhid sifaat*
- C. *tauhid uluhiyyah*
- D. *tauhid rububiyah*

57. Apakah yang dimaksudkan dengan *Tauhid Rububiyah* dari sudut bahasa?

- A. pemilikan alam
- B. keesaan pencipta
- C. Allah SWT maha mengetahui
- D. Allah SWT tempat bergantung

58. Apakah yang dimaksudkan dengan *Tauhid Asma' wa Sifaat*?

- A. sifat-sifat Allah SWT yang wajib dihalal
- B. nama-nama Allah SWT yang wajib dihafal
- C. nama-nama dan sifat Allah SWT yang perlu dijadikan zikir
- D. nama-nama dan sifat-sifat Allah yang penuh kesempurnaan

59. Apakah perspektif syariah mengenai tanggungjawab manusia terhadap alam sekitar?

- i. tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT
- ii. tanggungjawab *Ubudiyyah* (pengabdian diri)
- iii. manusia yang dikurniakan akal akan dipersoal tentang matlamat kehidupan
- iv. manusia sebagai khalifah Allah SWT, akan disoal tentang tanggungjawab menjaga alam, apabila berada di Padang Mahsyar

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. semua di atas

Manusia akan dipersoalkan tentang hukum-hakam yang berkait dengan alam seperti air untuk bersuci, bumi untuk bersujud, binatang dan tumbuh-tumbuhan sebagai makanan (halal atau haram).

60. Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan tersebut?

- A. alam sekitar menurut akidah Islam
- B. alam sekitar menurut perspektif moden
- C. alam sekitar menurut perspektif akhlak Islam
- D. alam sekitar menurut perspektif syariat Islam

Islam menyuburkan sifat *Qanaah* agar tidak menjadi insan yang rakus sehingga mengeksploitasikan alam.

61. Apakah yang anda faham tentang sifat *Qana'ah* sebagaimana kenyataan di atas?

- A. bertolak ansur antara makhluk
- B. berpada tentang apa yang ada
- C. berkerjasama dalam kalangan makhluk
- D. berfikir sebelum melakukan sesuatu tindakan

Islam menggalakkan umatnya menanam sifat kecintaan kepada alam, lantaran dengan kecintaan tersebut mampu menyuntik keinsafan sebagai makhluk Allah.

62. Apakah istilah yang paling sesuai dengan kenyataan di atas berdasarkan etika pengurusan alam menurut kaedah Islam?

- A. sifat *ihsan*
- B. sifat *taawun*
- C. sifat *qanaah*
- D. sifat *mahabbah*

Menerusi sifat *ihsan*, menjadikan kita berfikir sejenak untuk melakukan kerosakan dan kemusnahan ciptaan Allah SWT. Ini adalah kerana, setiap tindak tanduk kita akan diawasi oleh Allah SWT dan dicatat oleh malaikat.

63. Sifat *ihsan* yang dinyatakan tersebut adalah berkait rapat dengan perilaku manusia ke atas alam sekitar. Apakah yang dimaksudkan dengan sifat *ihsan* tersebut.

- A. segala tindakan manusia diperhatikan oleh Allah SWT
- B. manusia akan dibangkitkan semula di Padang Mahsyar
- C. alam akan hancur apabila ditiup nafiri kehancuran oleh malaikat
- D. alam sekitar akan musnah dengan kekuasaan yang ada pada manusia

Islam adalah agama yang menggalakkan amalan tolong menolong sesama manusia terutamanya untuk memastikan alam ini bersih dan terjaga dengan rapi.

64. Apakah sifat yang menjelaskan tentang akhlak atau nilai murni di atas?

- A. sifat *ihsan*
- B. sifat *qanaah*
- C. sifat *ta'awun*
- D. sifat *mahabbah*

Berdasarkan doktrin agama ini, penganutnya dilarang melakukan kekejaman kepada haiwan. Doktrin ini menggalakkan penganutnya bersikap *vegetarian* di dalam makanan.

65. Kesemua agama di dunia ini memartabatkan alam sekitar agar sentiasa lestari dan terkawal. Apakah agama yang dikaitkan dengan kenyataan di atas?

- A. agama hindu
- B. agama buddha
- C. agama majusi
- D. agama kristian

66. Seorang pengkaji agama Buddha menyatakan: "mengamalkan cara hidup yang mudah adalah penyelesaian kepada krisis alam sekitar masa kini." Siapakah pengkaji tersebut?

- A. frank gabriel
- B. issac newton
- C. stephen batchelor
- D. stephen colombus

67. Apakah keterangan tentang alam yang terdapat dalam kitab Genesis yang menjadi pegangan agama Kristian?

- A. manusia lahir daripada teori evolusi
- B. alam sekitar terbentuk selepas berlakunya *big bang*
- C. seluruh alam termasuk manusia adalah ciptaan Tuhan
- D. air dan tanah adalah makhluk terpenting dalam komponen alam

68. Siapakah yang dianggap sebagai pencetus kesedaran alam sekitar moden?

- A. frank carson
- B. frank darson
- C. rachel carson
- D. rachel darson



69. Fasa pertama kesedaran tentang alam sekitar telah melahirkan beberapa NGO. Pilih NGO yang manakah yang sinonim tentang kesedaran alam sekitar.
- i. sierra club
  - ii. national trust
  - iii. sierra lion club
  - iv. just international club
- A. i dan ii  
B. i dan iii  
C. i, ii dan iii  
D. semua di atas
70. Apakah peristiwa besar yang berlaku pada fasa kedua kesedaran alam sekitar sedunia?
- A. tsunami di aceh, indonesia
  - B. banjir lumpur terbesar di bangladesh
  - C. ribut taufan di chicago, amerika syarikat
  - D. pengeboman bandar hiroshima dan nagasaki di jepun
71. Isu apakah yang diketengahkan dalam laporan penyelidikan *silent spring*?
- A. kesan lumpur ke atas alam sekitar
  - B. kesan industri kimia ke atas alam sekitar
  - C. kesan pencemaran udara yang terhasil kilang
  - D. kesan industri makanan yang menyebabkan lambakan sampah
72. Fasa kelima kesedaran alam sekitar telah menampakkan impak yang menyeluruh ke seluruh dunia. Hasil daripada inilah telah berlangsungnya persidangan tentang kesedaran alam sekitar. Apakah persidangan yang dimaksudkan?
- A. sidang kemuncak dunia di bali, 1990
  - B. sidang kemuncak bumi, di helsinki, 1992
  - C. sidang kemuncak dunia di oklahoma, 1990
  - D. sidang kemuncak bumi, di rio de jeneiro, 1992
73. Berikut merupakan isu-isu semasa berkaitan dengan alam sekitar **kecuali**:
- A. penipisan ozon
  - B. pemusnahan bio-diversiti
  - C. pemusnahan sumber alam
  - D. ancaman wabak yang cepat merebak

- Penduduk dunia semakin bertambah menyebabkan sumber alam dieksploitasikan demi memenuhi keperluan manusia.
- Hutan hujan Tropika diterokai dan dijadikan estet pertanian seperti getah, dan sawit.
- Terdapat hutan dibersihkan untuk dijadikan bandar seperti KLIA.
- Kawasan yang baru diterokai tidak mampu berperanan seperti asal dan tidak mampu menyimpan air.

74. Apakah isu **utama** daripada beberapa kenyataan di atas?

- A. pemanasan global kesan daripada pembangunan yang pesat
- B. pemusnahan bio-diversiti menyebabkan rantai kehidupan musnah
- C. penipisan ozon yang terhasil daripada penubuhan rumah-rumah kaca
- D. pemusnahan sumber alam menjadikan alam sekitar semakin terancam

- Terlalu sejuk di Eropah.
- Musim kering di China dan Amerika Utara.
- Suhu semakin tinggi di kawasan Khatulistiwa pada musim panas.

75. Apakah kesan **utama** yang dikaitkan dengan fenomena di atas?

- A. penipisan ozon
- B. pemanasan global
- C. pemusnahan bio-diversiti
- D. pemusnahan sumber alam

76. Apakah yang menyebabkan negara Denmark mengharamkan peralatan **Chloro Fluoro Carbon (CFC)** pada tahun 1987?

- A. penipisan ozon
- B. pemanasan global
- C. pemusnahan sumber asli
- D. pemusnahan bio-diversiti

76. Kemusnahan alam sekitar telah menjadikan manusia semakin insaf. Apakah yang wajar difikirkan dengan kemusnahan alam ini?

- A. matlamat utama kehidupan manusia untuk mentadbir dunia
- B. kesenangan dan keselesaan kehidupan adalah tuntutan utama
- C. matlamat utama kehidupan manusia untuk mencari pencipta dan untuk persiapan di hari akhirat
- D. kemusnahan alam sekitar menyebabkan kita terus berfikir untuk menyelamatkan dunia daripada berlakunya kiamat

78. Di antara matlamat utama kedatangan manusia ke alam ini adalah untuk mencari pencipta alam. Berikut adalah dalil dalam proses pencarian pencipta alam **kecuali**

- A. dalil fitrah
- B. dalil kinayah
- C. dalil kejadian makhluk
- D. dalil kesempurnaan makhluk

Segala ketetapan jisim makhluk ditetapkan oleh Allah, begitu juga dengan kejadian baik dan buruk makhluk berlaku dengan penuh kebijaksanaan Allah SWT. Takdir dan ketetapan tersebut telah memadai untuk manusia mencari penciptaNya.

79. Apakah dalil yang boleh dikaitkan dengan pernyataan di atas?

- A. dalil fitrah
- B. dalil kejadian makhluk
- C. dalil berasaskan takdir Allah
- D. dalil kesempurnaan makhluk

Segala makhluk di alam ini hidup berdasarkan petunjuk Allah. Sebagai contohnya, binatang mampu meneruskan kehidupannya meskipun tidak berakal. Mereka semuanya bergerak dengan pedoman Allah.

80. Dalil apakah yang dimaksudkan daripada pernyataan tersebut?

- A. dalil hidayah
- B. dalil kejadian makhluk
- C. dalil berasaskan takdir Allah
- D. dalil kesempurnaan makhluk